

Amanat Naib Canselor  
Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampang  
Sempena Majlis Lafaz Ikrar & Aku Janji Mahasiswa Baru  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)  
7 Julai 2010, Dewan Canselor, UMS, 8.00 pagi

*Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalammualaikum wbt. dan Salam Sejahtera  
Terimakasih Pengacara Majlis*

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh  
Pengerusi Lembaga Pengarah,  
Universiti Malaysia Sabah.

Yang Berbahagia Datuk Henry Chin Poy-Wu  
Ahli Lembaga Pengarah UMS

Yang Berbahagia Datuk Dr. Beatrice Beth Baikan  
Ahli Lembaga Pengarah UMS

Pegawai-pegawai Utama UMS

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Ahli-Ahli Senat,

Para Pegawai UMS

Siswa Siswi Baharu UMS

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Selamat datang dan selamat memulakan kehidupan sebagai pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. Saya beserta seluruh warga kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengalu-alukan kedatangan anda untuk menjadi sebahagian daripada kami. Anda akan menjadi warga kampus UMS sepanjang tempoh tiga hingga lima tahun yang akan datang. Sesi pengajian Semester I Sesi 2010/2011 akan bermula secepatnya. Saya berharap, anda semua sudah menyempurnakan pelbagai proses pendaftaran, khususnya kemasukan ke kolej-kolej kediaman pelajar yang kita kenali sebagai Kampung A-B, Kampung C-D, Kampung E dan Indah Permai Sepanggar. Bagi anda yang memilih untuk tinggal di luar, saya berharap anda sudah mempunyai tempat tinggal yang strategik untuk berulang-alik ke kampus UMS.

Seperti pada kebiasaananya, hari-hari permulaan anda berada di kampus memberikan satu pengalaman yang agak asing. Anda mendapati tidak ramai

yang anda kenal. Namun percayalah, selepas beberapa minggu anda berada di kampus ini, anda pasti mengalami suasana yang sangat harmoni, bersahabat, berkawan rapat dan malahan menyeronokkan.

### 1) UMS menjanjikan yang terbaik

Dalam mengalu-alukan kehadiran anda di kampus UMS, terlebih dahulu saya ingin berkongsi kegembiraan dengan anda semua dan keluarga anda. Saya turut merasa senang hati untuk mengucapkan tahniah di atas kejayaan anda semua mendapat tempat belajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). UMS merupakan salah sebuah universiti awam di Malaysia yang sedang berkembang pesat untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai pusat menimba ilmu, sumber memperolehi kemahiran dan institusi yang berkesan untuk merangsang motivasi anda mencapai kecemerlangan.

Menjadi pelajar di UMS tidak sekadar memberi ruang kepada anda untuk bergerak di dalam kampus semata-mata. UMS menggalakkan kegiatan-kegiatan di luar kampus untuk menerapkan pengetahuan-pengetahuan yang anda perolehi dari kuliah-kuliah. Di luar kampus anda bakal bertemu berpuluhan-puluhan etnik yang mengamalkan adat-resam, agama, pertuturan dialek dan tradisi yang berbeza-beza. Pelbagai etnik yang akan anda temui pasti memperlihatkan tahap toleransi hidup bermasyarakat yang sangat tinggi. Sesungguhnya sejak zaman-berzaman begitulah amalan hidup mereka dan corak kehidupan seperti itu sekali gus telah membezakan masyarakat di Sabah dan mungkin juga di Sarawak dengan sejarah kehidupan bermasyarakat di negeri-negeri lain di Malaysia.

Selaku universiti yang berpaksikan kepada visi, misi dan objektif Kementerian Pengajian Tinggi, sesungguhnya UMS sedang mara ke hadapan untuk menjadi salah satu universiti yang terbaik di dunia. UMS sedang berada di landasan untuk menghasilkan pelbagai penyelidikan, hakcipta, penerbitan dan pengkomersilan penyelidikan yang boleh diiktiraf di peringkat antarabangsa. UMS juga sedang berada di dalam proses mewujudkan sekurang-kurangnya 75 peratus pensyarah memiliki kelayakan Doktor Falsafah (Ph.D). Dengan memacu usaha-usaha demikian, UMS mahu mencapai sasaran menghasilkan para graduan yang kompeten untuk memenuhi keperluan tenaga kerja negara dan antarabangsa dengan menyasarkan 75 peratus dari kalangan graduan mendapat pekerjaan dalam bidang relevan, dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian.

UMS juga kini sedang menjadi tumpuan para pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan lepasan ijazah. Kita dapat mengandaikan, beberapa tahun dari sekarang, UMS bakal menampung kira-kira 10 peratus pelajar antarabangsa daripada keseluruhan pelajar UMS yang kini mencecah jumlah 17,000 orang. Pada masa sekarang, para pelajar antarabangsa di UMS berasal dari Negara China, Algeria, Bangladesh, India,

Turki dan beberapa negara Asia Tenggara seperti Indonesia dan Brunei Darussalam.

## 2) Aktiviti-aktiviti pelajar

Siswa-siswi sekalian,

UMS memberikan kebebasan kepada para pelajar untuk bergerak aktif dalam pelbagai aktiviti. UMS percaya, melalui kebebasan menjalankan aktiviti, kreativiti para pelajar dapat diperkembangkan di samping dapat membentuk keyakinan diri. Terdapat begitu banyak organisasi dan kelab di kampus yang boleh disertai oleh para pelajar. Malahan UMS juga memperkenalkan ‘Sudut Pidato’ pelajar untuk memupuk percambahan pemikiran dan keyakinan berhadapan dengan orang ramai. Namun demikian, kebebasan pelajar menjalankan aktiviti haruslah berdasarkan garis-panduan yang disediakan oleh bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Pada waktu yang sama, UMS juga sentiasa menjalin kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa keselamatan negara. Pihak UMS sentiasa memantau aktiviti-aktiviti pelajar agar tiada seorangpun pelajar terjerat oleh pengaruh ekstrem yang dikatakan mulai menjadikan IPTA sebagai sasaran. Demikian juga dalam interaksi para pelajar dalam sesuatu aktiviti. Kita amat memandang serius terhadap laporan media yang memetik tragedi maut di pusat pengajian tertentu akibat lagak berlebihan kumpulan pelajar tertentu. Walaupun kejadian seumpama itu boleh dianggap sebagai kes terpencil, namun kita tidak akan memandang sebelah mata segala aktiviti yang dilakukan pelajar. Sesungguhnya aktiviti yang boleh berakibat ekstrem dan berunsur ‘buli’ tidak akan dapat lari dari sabit kesalahan undang-undang. Saya yakin kes-kes negatif seperti itu tidak akan berlaku di kampus UMS. Namun demikian, saya ingin mengajak para pelajar agar membentuk kekuatan bersama, membendung kecenderungan-kecenderungan tertentu yang cuba mengambil kesempatan dari kebebasan yang diberikan pihak universiti. Kita sama-sama bertanggungjawab melaporkan perkara itu kepada pihak berwajib di universiti, agar sesuatu langkah dapat diambil serta-merta.

## 3) Pemilihan Program dan Peluang Kerjaya

Dalam bidang akademik, UMS menawarkan 64 program prasiswazah. Program-program ini telah menghasilkan graduan-graduan yang berdaya saing untuk mengisi pelbagai peluang kerjaya di pasaran kerja. Selain daripada itu, program-program berkenaan juga telah melahirkan graduan yang berjaya menceburkan diri ke dalam bidang keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa program-program yang ditawarkan di UMS telah berjaya mempersiapkan lulusannya untuk mengambil peranan dalam pelbagai sektor.

Dalam mengumpulkan maklumat mengenai kesukaran segelintir graduan menempatkan diri dalam pekerjaan, lazimnya kita menerima alasan bahawa mereka telah mengikuti program yang tidak memberikan kesempatan luas dalam dunia pekerjaan. Melihat kepada alasan itu, kita sebenarnya dituntut untuk memandang sisi lain dalam merebut peluang-peluang yang tersedia. Dalam era globalisasi dan liberalisasi yang berteraskan ICT, alasan tersebut kelihatannya tidak boleh diterima secara total. Sesungguhnya setiap program pengajian memiliki hasil pengetahuan dan kemahiran ganda yang boleh diterapkan di dalam banyak bidang pekerjaan.

#### 4) Proses Kematangan dan Kemahiran Insaniah

Para pelajar yang dihormati sekalian,

Saya yakin anda semua sudah maklum betapa dunia kerjaya sentiasa diwarnai persaingan terbuka. Setiap saat dan waktu, persaingan menjadi semakin kompetitif. Justeru anda bakal mendapati, hanya mereka yang berilmu dan mampu memanfaatkan ilmu sahaja akan berjaya. Maka dengan itu, selama menempuh pengajian di UMS, anda diberi pelbagai ruang untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah. Dua elemen ini mempersiapkan anda menjadi modal insan yang siap-guna untuk berfungsi dalam mengerakkan kemajuan negara dan menambah-baik realiti kehidupan masyarakat.

Di UMS, kemahiran insaniah atau dalam bahasa Inggeris disebut ‘softskills’ menggabungkan pengetahuan dengan kemahiran. Para pelajar mempunyai banyak pilihan untuk mendapatkan kemahiran insaniah. Antaranya aktiviti kurikulum seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), PALAPES UDARA, Kor Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS) dan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat di lapangan-lapangan.

Para pelajar yang dihormati sekalian,

Sebelum mengundurkan diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan selamat datang kepada anda semua. Saya berharap kehadiran anda ke kampus ini bakal mencorakkan kehidupan anda selepas pengajian dan seterusnya dapat membantu negara menyempurnakan Konsep 1Malaysia dalam merealisasikan Wawasan 2020.

*Sekian, wassallammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*